

06/02/2001

Umno, Pas kenal pasti empat wakil rundingan

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno dan Pas sudah mengenal pasti empat wakil mereka untuk mengadakan perbincangan peringkat jawatankuasa teknikal pada Khamis ini bagi menentukan agenda pertemuan perpaduan Melayu.

Jawatankuasa teknikal Pas akan diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharudin Mat Isa dan tiga ahli jawatankuasa kerja Pas pusat iaitu Setiausaha Politik kepada ketua pembangkang, Dr Hatta Ramli; Pengarah Urusan Harakah, Datuk Hishamuddin Yahya dan Setiausaha Perhubungan Pas Pahang, Dr Abdul Wahab Ismail.

Umno pula diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob tetapi tiga lagi wakilnya belum diumumkan secara rasmi setakat ini.

Nasharudin berkata, Khalil menghubunginya pagi ini untuk memberitahu perkembangan lanjut pertemuan bagi peringkat jawatankuasa teknikal itu. Bagaimanapun, tempatnya belum ditetapkan.

"Kita tidak ada masalah dari segi tarikh dan tempat. Tetapi apa yang akan menjadi tumpuan kami dalam perbincangan itu nanti ialah berkisar kepada persoalan agenda," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Bernama memetik Setiausaha Akhbar Menteri Penerangan, Zukri Valentino, sebagai berkata, pertemuan jawatankuasa teknikal itu akan diadakan Khamis ini.

"Tan Sri Khalil akan mengetuai delegasi empat ahli (Umno) untuk mesyuarat itu," katanya.

Zukri berkata, Khalil memberitahu beliau bahawa Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemungkinan mengumumkan nama tiga lagi ahli dalam delegasi itu, esok.

Katanya, Khalil mencadangkan kepada Nasharuddin menerusi surat bahawa mereka mengadakan pertemuan itu Khamis ini dan Setiausaha Agung Pas itu bersetuju dalam perbualan menerusi telefon hari ini.

Nasharuddin pula ketika ditanya berapa kali jawatankuasa peringkat teknikal itu akan mengadakan pertemuan, berkata ia bergantung kepada kemajuan perbincangan ulung itu nanti.

"Jika segalanya berjalan lancar, cepatlah kita merangka untuk pertemuan peringkat tertinggi parti seterusnya," katanya.

Bagaimanapun katanya, dalam perbincangan dengan Khalil itu nanti, Pas akan mencadangkan supaya pertemuan mengenai perpaduan Melayu disertai secara maksimum oleh lima wakil daripada kedua-dua parti.

"Cadangan supaya pertemuan itu membabitkan delegasi parti dibuat supaya perbincangan lebih telus dan diadakan pada peringkat tertinggi. Ini kerana perwakilan lima orang itu akan mewakili kepimpinan tertinggi parti.

"Pada kami pertemuan empat mata antara Presiden Umno (Dr Mahathir) dan Presiden Pas (Datuk Fadzil Noor) seperti disyorkan sebelum ini, tidak memadai," katanya.

Beliau berkata, satu lagi cadangan yang akan dikemukakan pada mesyuarat peringkat teknikal ialah supaya skop perbincangan diperluaskan untuk merangkumi perpaduan nasional.

Nasharudin berkata, walaupun pemimpin Umno sebelum ini bertegas mahukan perbincangan itu ditumpu kepada soal perpaduan Melayu, Pas masih mahu supaya isu itu dilebarkan.

Ditanya apakah pendirian Pas jika Umno terus dengan keputusan untuk membincang soal perpaduan Melayu, beliau berkata:

"Saya sekadar membawa amanah berdasarkan keputusan pucuk pimpinan Pas sebelum ini iaitu pertemuan tidak harus dihadkan kepada soal perpaduan

Melayu. Namun, dalam perbincangan peringkat teknikal itu nanti, kita  
dengar terlebih dulu pendapat kedua-dua pihak."

(END)